

SELASA, 16 DISEMBER, 1980

Sikap progresif petani

PEMANGKU Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sewaktu merasmikan Hari Peladang Kebangsaan, Sabtu lalu, telah menegaskan betapa pentingnya petani-petani mengubah sikap dan bekerja lebih keras untuk mempertinggi taraf hidup mereka. Memang tidak dapat disangkal bahawa semenjak Merdeka cita-cita dan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kadar pengeluaran dan memperbaiki mutu kehidupan petani di negara ini telah ketara. Setiap rancangan pembangunan telah memperuntukan sekurang-kurangnya 20% dari jumlah peruntukan pembangunan negara kepada sektor pertanian dan luar bandar. RME diramalkan akan mendapatkan peruntukan tidak kurang dari dua ribu juta ringgit untuk sektor yang sama.

Dengan peruntukan ini berbagai bentuk agensi dan program telah diwujudkan. Untuk melaksanakan rancangan pembangunan tanah baru — mata pertama kepada strategi serampang dua mata yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan — Felida, Felcra dan beberapa agensi kerajaan negeri telah dilancarkan. Untuk mempergiat usaha-usaha pembangunan in situ agensi-agensi seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, Risdan dan beberapa projek pembangunan wilayah telah juga digerakkan. Jika projek-projek pembangunan tanah bertujuan memberikan tapak kepada mereka yang tidak bertanah, maka program-program yang lain menumpukan pula perhatian kepada membantu petani mendapatkan input-input pertanian dari benih, baja dan racun kimia hinggalah kepada khidmat kredit, pengembangan dan pemasaran.

Namun demikian hingga ke hari ini kita masih mendapati sebahagian besar dari petani-petani kita masih hidup di bawah garis kemiskinan. Walaupun peratus lairumah pertanian telah menurun dalam dua dekad yang lalu namun hakikat bahawa kira-kira separuh dari mereka masih tinggal di dalam kemiskinan membayangkan betapa perlunya keadaan ini diperbaiki segera. Soalnya jika Kerajaan sanggup menyediakan berbagai jenis bantuan, termasuk subsidi terus, bagaimanakah petani dapat dan perlu menyambut usaha ini? Sebenarnya banyak yang boleh dilakukan. Datuk Seri Dr Mahathir telah menyentuh tentang perubahan sikap. Ini penting kerana sikap progresif yang bercirikan orientasi perdagangan adalah kunci untuk memandu dan menggerak tenaga petani kepada suatu corak pertanian yang lebih efisien dan menguntungkan. Tetapi ini sahaja mungkin tidak cukup. Tenaga dan usaha individu petani sepatutnya disatukan melalui salur organisasi dan yang lebih efektif untuk menghasilkan faedah jangka panjang yang lebih besar.